



Pantai Esen busuk, berselut

BH 21/10/24 pg 19

Lokasi 'permata tersembunyi' dipercayai dicemari projek Pulau Silikon

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Kawasan Pantai Esen yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melihat keindahan matahari terbenam, kini dicemari lumpur berselut dan berbau busuk, selain air bertukar kehitaman.

Keadaan itu dipercayai ada kaitan dengan pembangunan projek Pulau Silikon yang terletak tidak jauh dari pantai dan semakin buruk dengan bau yang menusuk hidung sejak dua bulan lalu.

Pemandangan indah di pantai berkenaan boleh dilihat sebaik tiba, namun bau busuk dapat dihindu jarak 100 meter dari kawasan pantai.

Berikutnya air kehitaman, berlumpur dan berkeladak, tiada pengunjung bermain air atau mandi di kawasan terbabit.

Pengusaha sukan air, Jaffar Ishak, 55, berkata sebelum ini Pantai Esen umpsama lokasi 'permata tersembunyi' negeri dan pemandangannya sering

diabadikan oleh peminat fotografi termasuk dijadikan gambar poskad.

Beliau berkata, keindahan pantai dan pasir yang bersih turut menjadi lokasi perkelahan keluarga, selain melakukan sukan air seperti berkayak atau menaiki bot.

Katanya, selain menawarkan aktiviti kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), pantai itu sebelum ini sering menjadi lokasi wajib singgah kepada pendaki di kawasan bukit berhampiran.

"Pada hujung minggu, pantai menjadi tumpuan kerana pemandangan di sini sangat cantik terutama ketika matahari terbenam hingga menyebabkan kesesakan, tetapi kini ada yang tidak sampai setengah jam sudah pulang kerana tidak tahan dengan bau lumpur yang menyengat."

"Kami juga dimarahi pengunjung kerana tidak diberitahu lebih awal keadaan itu sebelum mereka menaiki buggy yang disewa dan mendakwa seolah-olah ditipu apabila keadaannya tidak seperti dipaparkan dalam media sosial," katanya yang sudah dua tahun mengusahakan sukan air di pantai itu.

Segera atasi masalah
Tinjauan mendapati, mereka yang mahu ke kawasan pan-

tai berkenaan boleh berjalan hampir satu kilometer atau menaiki perkhidmatan buggy inisiatif penduduk kampung dengan bayaran RM5 sehala.

Jaffar berkata, dia tidak mahu menuduh jari menuduh pihak tertentu menjadi punca pantai itu berlumpur tetapi mahu pihak berkuasa mengambil tindakan supaya keadaan tidak bertambah buruk.

"Saya tidak tahu punca kerana bukan ahli dalam bidang ini, namun sejak ia berlaku, pendapatan sebagai pengusaha sukan air merosot sehingga 70 peratus."

"Berikutan lumpur, kayak dan bot juga sukar diturunkan, selain terlalu kotor serta perlu lebih cucian selepas digunakan," katanya.

Sementara itu, penduduk Jaffar Pajim, 66, berkata dia kesal dengan pemaju projek yang dikatakan hanya berunding dengan nelayan, tetapi tidak dengan penduduk.


Katanya, penduduk kini tidak lagi dapat meraih pendapatan sampingan dengan menangkap ikan dan siput sudu di kawasan itu kerana sering ditemukan mati serta semakin kekurangan.

"Pemaju tidak pernah berbincang dengan kami yang terpaksa menghindu bau busuk setiap hari."

"Sejak kecil kami hirup udara segar, tetapi hari ini baunya meloyakan, malah kesannya juga semakin buruk dan sangat menyedihkan."

"Kami berharap masalah ini dapat ditangani segera sebelum kesan lain pula berlaku," katanya.

Video mengenai lumpur dan selut itu turut tular di media sosial yang dirakamkan pada minggu lalu, memaparkan lumpur sehingga hampir lima meter di sepanjang kawasan pantai.



Pantai Esen di Bayan Lepas jadi lokasi tumpuan melihat keindahan matahari terbenam kini berselut dan berbau busuk.

(Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

Saya tidak tahu puncanya kerana bukan ahli dalam bidang ini, namun sejak ia berlaku, pendapatan sebagai pengusaha sukan air merosot sehingga 70 peratus.

Jaffar Ishak,
Pengusaha sukan air

